

NAMA : ..... TINGKATAN : ..... TARIKH : .....



**Soalan aneka pilihan**

1. Bermusafir tanpa sebarang tujuan atau matlamat.  
Hukum bermusafir di atas adalah..  
A makruh  
B wajib  
C sunat  
D harus
  
2. Bermusafir kerana melihat tempat-tempat bersejarah termasuk dalam hukum  
A harus  
B wajib  
C sunat  
D makruh
  
3. Bermusafir ke stadium bagi menonton konsert pop artis-artis terkemuka hukumnya  
A harus  
B wajib  
C sunat  
D haram
  
4. Ahmad telah bermusafir ke Sabah kerana menziarahi kawannya yang terlantar di hospital akibat terlibat dalam kemalangan jalan raya.  
Hukum bermusafir bagi keadaan di atas adalah....  
A wajib  
B sunat  
C harus  
D makruh
  
5. Waktu yang sesuai (dianjurkan oleh syarak) untuk memulakan perjalanan ialah  
A keluar awal pagi selepas subuh  
B keluar awal pagi sebelum subuh  
C keluar waktu malam selepas maghrib  
D keluar waktu tengah hari selepas zohor

- 6 Berikut adalah tiga buah masjid utama yang sunat diziarahi, kecuali...
- A Masjid Al-Aqsa
  - B Masjid Al-Ansar
  - C Masjid Al-Haram
  - D Masjid An-Nabawi
- 7 Berikut merupakan perbuatan yang ditegah semasa dalam musafir **kecuali...**
- A membuang sampah di merata tempat
  - B melakukan kerosakan kepada alam sekitar
  - C berhenti terlalu lama di tempat persinggahan
  - D membuang air kecil atau besar di tempat yang tidak sepatutnya
- 8 Berikut merupakan rukhsah yang telah diberikan oleh syarak kepada orang yang bermusafir, **kecuali...**
- A meninggalkan solat fardhu sehingga sampai ke destinasi
  - B berbuka puasa dalam bulan Ramadhan
  - C melakukan solat fardhu secara qasar
  - D melakukan solat fardhu secara jamak
- 9 Manakah yang berikut merupakan adab sebelum bermusafir?
- I Menentukan arah kiblat
  - II Berniat melakukan kebaikan
  - III Mengucapkan selamat tinggal
  - IV Menjelaskan segala hutang piutang
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 10 Pernyataan yang **benar** untuk menjelaskan tentang maksud musafir dari segi bahasa ialah.
- I bersiar-siar
  - II mengembawa
  - III berjalan jauh
  - IV berpindah tempat kediaman
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
- 11 Sesuatu perjalanan itu dikatakan musafir apabila jaraknya
- I melebihi dua marhalah
  - II membolehkan solat qasar dan jamak
  - III membolehkan melantik seorang ketua
  - IV membolehkan berbuka puasa pada bulan Ramadhan


- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV
- 12 Berikut adalah tujuan beradab ketika musafir **kecuali**
- A dapat pertolongan ketika susah  
B dapat menikmati keindahan alam  
C dapat menuju ke tempat yang dihajati dengan selamat  
D mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T
- 13 Musafir adalah perkara yang diharuskan sekiranya bertujuan untuk
- A menziarahi kubur keramat  
B melihat kebesaran Allah S.W.T  
C menonton pertandingan bina badan  
D menyambut hari “memperingati kekasih”
- 14 Pilih pernyataan yang menunjukkan makruh bermusafir
- A Menziarahi orang sakit  
B Bersiar-siar tanpa tujuan  
C Menunaikan umrah di Mekah  
D Membeli belah bersama keluarga
- 15 Abdul Rahman menziarahi Masjidil Haram di Mekah.  
Hukum musafir beliau ialah
- A wajib  
B sunat  
C harus  
D haram
- 16 Antara berikut yang manakah **bukan** adab bermusafir?
- A Memohon petunjuk Allah.  
B Menyediakan bekalan secukupnya  
C Meminta nasihat daripada orang yang berpengalaman  
D Wajib mengucapkan selamat tinggal kepada orang yang ditinggalkan.

**ISI TEMPAT KOSONG**

1. Rukhsah diberikan kepada orang yang bermusafir untuk menunaikan solat secara \_\_\_\_\_.
2. Hukum bermusafir dengan tujuan melihat kebesaran Allah ialah \_\_\_\_\_.
3. Hukum bermusafir untuk menunaikan umrah di Mekah ialah \_\_\_\_\_.
4. Seorang ketua perlu dilantik apabila bermusafir dalam kumpulan yang terdiri daripada \_\_\_\_\_ atau lebih.
5. Islam amat menggalakkan umatnya \_\_\_\_\_ untuk menikmati keindahan alam sekitar dan mensyukuri nikmat Allah.
6. Hukum bermusafir bergantung kepada tempat yang dituju dan \_\_\_\_\_ orang yang bermusafir.
7. \_\_\_\_\_ bermusafir ke tempat-tempat maksiat atau bertujuan bertujuan untuk melakukan kejahatan.
8. Orang perempuan hendaklah ditemani oleh \_\_\_\_\_ ketika bermusafir.
9. Allah memberi \_\_\_\_\_ kepada orang bermusafir untuk mengerjakan solat secara jamak dan qasar.
10. Disunatkan \_\_\_\_\_ musafir dan berdoa sebelum memulakan perjalanan khususnya semasa hendak menaiki kenderaan.
11. Sebelum memulakan perjalanan kita hendaklah menyediakan \_\_\_\_\_ secukupnya seperti wang, pakaian, makanan dan sebagainya.

**Soalan 12 – 13 berkaitan peta minda**

Nyatakan perkara yang berkaitan dengan adab sebelum bermusafir dalam petak kosong yang berikut:

**Soalan 14 - 18 padangkan contoh**

Tentukan hukum bagi keterangan berikut.

No. soalan	Jawapan	Situasi
14		Menyaksikan konsert pop artis-artis terkemuka
15		Bermusafir ke mana sahaja ke tempat yang diharuskan syarak
16		Seorang muslim yang berkemampuan bermusafir ke Mekah bagi mengerjakan haji atau umrah
17		Menziarahi tiga buah masjid utama dalam Islam
18		Bermusafir tanpa sebarang tujuan atau matlamat

**BAHAGIAN B**

1. (a) Islam mengharuskan umatnya bermusafir dengan tujuan yang baik
  - (i) Apakah maksud musafir? [ 2 markah ]
  - (ii) Huraikan **dua** adab semasa bermusafir. [ 4 markah ]
  - (iii) Terangkan **dua** kesan positif terhadap seseorang yang beradab ketika bermusafir. [ 4 markah ]

2. (a) Terdapat beberapa hukum ketika bermusafir.

(i) Nyatakan **dua** hukum tersebut beserta contoh.

[4 markah]

(ii) Mengapakah digalakkan melantik ketua ketika bermusafir.

[4 markah]

3



SOALAN :

Berdasarkan gambar di atas,uraikan pandangan anda sebagai pengguna jalanraya, apakah yang akan berlaku sekiranya undang-undang tersebut tidak dipatuhi terutamanya ketika bermusafir ?